

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, February 2, 2017 9:35 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: OYAGSB Perlu Jadi 'Champion' Capai Agenda Universiti



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



02 FEBRUARI 2017 / 05 JAMADILAWAL 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

OYAGSB PERLU JADI 'CHAMPION' CAPAI AGENDA UNIVERSITI



UUM ONLINE: Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB) perlu menjadi 'champion' atau juara bagi memastikan UUM dapat melaksanakan agendanya untuk menjadi Universiti Pengurusan Terkemuka.

Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, untuk menjadi juara, OYAGSB harus menyampaikan atau bekerja secara luar biasa (extraordinary).

Katanya, ia boleh dicapai menerusi komunikasi yang mana mesej tersebut haruslah sampai dan difahami bagi mengelak kecelaruan maklumat berkaitan matlamat, visi dan misi OYAGSB sendiri.

"Ini adalah bagi memastikan semua orang komited dengan tanggungjawab diberikan memandangkan OYAGSB telah diamanahkan untuk mengetuai dalam pencapaian UUM seperti melengkapkan 'Triple Crown accreditation' melalui EQUIS selepas kejayaan memperoleh akreditasi AMBA dan AACSB.

"Sekiranya kita boleh merancang dengan baik dan tahu matlamat serta hala tuju, kita mampu memperolehi kejayaan ini sama ada awal, tepat pada masanya atau hampir," katanya pada pertemuan bersama staf OYAGSB di Bilik Mesyurat OYAGSB, petang tadi.

Ujarnya lagi, kejayaan yang ingin dikecapi itu adalah satu cabaran pada OYAGSB tetapi ia lebih mencabar bagi UUM, justeru OYAGSB harus menjadi juara untuk UUM supaya terus dikenali dan diiktiraf di persada antarabangsa.

Menurutnya, kini universiti menerusi OYAGSB hendaklah menumpukan pada pelan strategik untuk mencapai 'Triple Crown', 'Triple ISO' dan Top 100 Business School menjelang 2020.

Selain itu, Naib Canselor berkata, UUM perlu berbangga kerana menjadi universiti pertama di Malaysia yang melancarkan Beta Gamma Sigma (BGS) Chapter UUM di atas kejayaan memperolehi akreditasi AACSB.

Pada pertemuan itu juga, beliau berharap OYAGSB dapat menjadikan Melbourne Business School sebagai contoh untuk mencari inisiatif menjana pendapatan sendiri khususnya pada program Pendidikan Eksekutif.

"Pada masa sama, tumpuan kepada sumber manusia juga penting selain hubungan kerjasama dengan Kolej Perniagaan terkemuka lain seperti NIDA Business School dan Sasin Graduate Institute of Business Administration of Chulalongkorn University di Thailand.

"Akhir sekali, sokongan antara kakitangan juga penting termasuk kepada Dekan OYAGSB sendiri dalam usaha mencapai sasaran tersebut," katanya.

Hadir sama Dekan OYAGSB, Prof Dr Zeljko Sevic dan pegawai-pegawai kanan OYAGSB.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
📘 Universiti Utara Malaysia (Official FB)





Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.